

Ejaan Tuah berbeza

■ **Terdapat 4 manuskrip mempunyai jalan cerita hampir sama**

Oleh **Suraya Roslan**
surayaroslan@hmetro.com.my
Kuala Lumpur

“I ni adalah Hikayat Hang Tuah (HHT) yang tertelu amat indah-indah dan sangat berjaksana, yang terlalulah

pula nyata kebaktian kepada tuannya, tiada dalam berbanding pada zaman itu demikianlah bunyinya.”

Itu antara catatan manuskrip HHT

dalam bahasa Jawi kuno diserahkan seorang lelaki yang mendakwa sebagai cicit waris pahlawan Melayu itu, Ismail Mohamed Yaacob kepada Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) sebelum ia diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu oleh pengkaji sejarah.

Manuskrip itu dipercayai disalin semula daripada naskhah asal yang kini tidak diketahui pemilik

terkininya dan proses penyalinan itu dibuat pada 1933.

Manuskrip setebal 308 muka surat dengan tinggi 37 sentimeter dan selebar 24 sentimeter itu disalin semula atas kertas ledger dan diserahkan oleh Ismail pada 1996 kepada PNM untuk diselamatkan.

Timbalan Pengarah Pusat Kebangsaan Manuskrip Melayu PNM Faizal Hilmi Yusof berkata, PNM memiliki empat versi HHT termasuk manuskrip berkenaan dan setiap satunya berbeza daripada asas olahan bahasa.

“Berdasarkan kajian terperinci juga mendedahkan bahawa wujud perbezaan bagi ejaan Tuah iaitu satu daripada naskhah itu menyebut ‘Ta Wa Ha’ manakala satu lagi ‘Ta Wa Alif Ha’.

“Bagaimanapun, keempat-empat manuskrip ini mempunyai jalan cerita yang hampir sama, namun ia berbeza daripada olahan bahasa serta dipisahkan mengikut bab-bab saja. Selebihnya adalah sama,” katanya kepada Harian Metro, semalam.



LAPORAN Harian Metro
5 Disember lalu.



LAPORAN Harian Metro
7 Disember lalu.

FOTO: SADDAM YUSOFF



FAIZAL



MANUSKRIP Hang Tuah di Perpustakaan Negara.